

15/08/1997

Dr Mahathir dedah keunikan (MSC)

KUALA LUMPUR, Khamis - Gabungan prasarana fizikal, rangkaian telekomunikasi, dasar dan undang-undang siber di Koridor Raya Multimedia (MSC) menjadikannya kawasan unik yang kukuh bagi melaksanakan perniagaan dalam era siber, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan kekuatan dan keunikan MSC tidak wujud di kawasan lain.

"Apa yang diusahakan menerusi MSC bukan untuk membentuk sebuah lagi Lembah Silikon, tetapi sebagai pelengkap bandar raya siber berteknologi tinggi yang lain.

"Kami mahu melihat syarikat menempatkan operasi mereka di mana mereka fikir munasabah.

"Sebagai contoh, syarikat boleh meletakkan operasi berintensif buruh di China atau Indonesia dengan menyelaraskannya menerusi MSC," katanya.

Beliau berkata demikian dalam buku cenderamata sempena Persidangan MSC: Cabaran dan Peluang Usahawan Siber Dalam Memasuki Alaf Baru.

Persidangan dua hari bermula hari ini yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertujuan menampilkan peluang dan cabaran usahawan dalam menentukan pelaburan di MSC.

Persidangan itu dihadiri 400 peserta dan 1,500 lagi yang menyaksikan persidangan dari tujuh pusat pengajian tinggi di seluruh negara menerusi persidangan video.

Dr Mahathir yakin MSC berupaya menampilkan dunia tanpa sempadan yang dulu menjadikan hanya satu negara yang bersaing menjadi kaya, manakala yang lain mengalami defisit.

"Bagaimana, pada masa akan datang semua negara memperoleh keuntungan dan kelebihan kerana wujudnya rangkaian syarikat bekerjasama tanpa batasan sempadan untuk menghasilkan nilai baru kepada pelanggan secara ekonomik," katanya.

Apabila disebut MSC, katanya, masyarakat membicarakan perkara yang begitu jauh untuk dicapai, mengubah cara kehidupan dan kerja dalam MSC.

(END)